

TARIAN CERACAP INAI

(Muar, Johor)

Pada pendapat anda, apakah fungsi prop yang digunakan dalam Tarian Ceracap Inai?



Objektif Pembelajaran

- 🌿 Menghuraikan dan menunjuk cara gerak bagi terminologi yang dipelajari dalam Tarian Ceracap Inai.
- 🌿 Melakukan pergerakan asas dalam Tarian Ceracap Inai yang dipelajari dengan teknik yang betul.
- 🌿 Melakukan gerak tari berdasarkan unsur tari, ragam tari dan teknik gerak tari Tarian Ceracap Inai.
- 🌿 Menerangkan dan melakukan improvisasi gerak tari dalam Tarian Ceracap Inai.
- 🌿 Menerangkan dan mengaplikasikan kefahaman pola lantai dalam Tarian Ceracap Inai.



“KOSA KATA”

- Asas Ketam (lelaki)
- Asas Kisot (wanita)
- Asas Serang Balas
- Datang Sembah
- Gerak Ketam
- Sampan Berkolek
- Sampan Berkolek Tinggi
- Sembah Gayung
- Sembah Silang
- Sembah Tutup
- Sisip
- Susun Sembah



- Merancang pola lantai untuk menghasilkan komposisi dalam Tarian Ceracap Inai.
- Mengenal pasti, menjelaskan dan mengaplikasi unsur sinografi tarian dalam persembahan Tarian Ceracap Inai.
- Menghasilkan koreografi untuk persembahan Tarian Ceracap Inai.
- Merancang dan mempersembahkan Tarian Ceracap Inai.
- Menilai, mengulas dan mengkritik hasil koreografi Tarian Ceracap Inai yang dipersembahkan.
- Mengamalkan etika persembahan dan nilai murni dalam latihan dan persembahan

1.0 TARIAN CERACAP INAI (MUAR, JOHOR)

PENGENALAN

Tarian Ceracap Inai ialah tarian rakyat Melayu yang popular dan diamalkan di daerah Muar, Johor khususnya kawasan Mukim Lenga, Bukit Kepong, Kundang Ulu dan sekitarnya. Tarian tersebut masih kekal sebagai warisan budaya di Muar dan sering dipersembahkan ketika upacara berinai dan majlis keramaian yang lain. Terdapat unsur pergerakan silat dalam tarian tersebut. Keadaan ini boleh diperhatikan apabila penari mempersembahkan tarian dengan memegang prop yang dikenali sebagai Ceracap Inai. Prop tersebut dihiasi dengan bunga emas pada bahagian tengah serta lilin yang bercahaya. Lagu *Pari Lang* sering dimainkan untuk mengiringi persembahan tarian ini.



Gambar Foto 1.1 Tarian Ceracap Inai ditarikan dengan memegang prop yang dikenali sebagai Ceracap Inai.



1.1 TERMINOLOGI TARIAN CERACAP INAI

Terdapat 12 ragam tari dalam Tarian Ceracap Inai (Muar, Johor) seperti dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1 Nama ragam tari dan terminologi bagi Tarian Ceracap Inai (Muar, Johor).

NAMA RAGAM	TERMINOLOGI GERAK
Susun Sembah	Sembah Ceracap, Sembah Tari, Mengangkat Sembah Raja Sehari, Tapak Bertemu, Sembah Tangan, Duduk Bertimpuh Sila Hulubalang, Duduk Bertimpuh Atas Tumit
Sembah Silang	Tangan Menyilang, Sembah Gayung, Duduk Bertimpuh Sila Hulubalang, Duduk Bertimpuh Atas Tumit
Datang Sembah	Angkat Ceracap, Bibir Mangkuk, Pelipat Tangan Kanan, Duduk Bertinggung Sebelah, Duduk Bertimpuh Atas Tumit
Sisip	Sisipan Bulatan, Sisipan ke Kiri, Angkat Ceracap, Bibir Mangkuk, Duduk Bertinggung Sebelah, Pelipat Tangan
Buka Sembah	Depaan membentuk posisi V membuka ke hadapan, Duduk Bertinggung Sebelah dan Duduk Bertimpuh Atas Tumit
Sampan Berkolek	Posisi Tangan Bentuk L (Kanan dan Kiri), Tangan Putaran Kecil, Sampan Berkolek, Henjutan Badan, Duduk Bertinggung Sebelah
Gerak Ketam	Depaan membentuk posisi V membuka ke hadapan, Posisi Tangan Bentuk L, Sampan Berkolek, Duduk Bertinggung Sebelah, Gerak Ketam
Pusing Setempat	Posisi Tangan Bentuk L (Kanan), Putaran Kecil, Sampan Berkolek, Duduk Bertinggung Sebelah, Pusing Setempat
Asas Kisot	Depaan membentuk posisi V membuka ke hadapan, Posisi Tangan Bentuk L (Kanan), Sampan Berkolek, Duduk Bertimpuh Atas Tumit, Asas Kisot
Duduk Berlutut	Buka Sembah (Tangan Kanan), Duduk Berlutut Tunggal

NAMA RAGAM	TERMINOLOGI GERAK
Buka Langkah	Buka Sembah (Tangan Kanan), Berdiri Berkekuda Lebar
Sampan Berkolek Tinggi	Posisi Tangan Bentuk L (Kanan dan Kiri), Putaran Kecil, Sampan Berkolek, Henjutan Badan, Berdiri Berkekuda (Kanan dan Kiri).
Ketam Berkolek Tinggi	Berdiri Berkekuda (Kanan dan Kiri), Posisi Tangan Bentuk L (Kanan dan Kiri), Putaran Kecil, Sampan Berkolek, Henjutan Badan, Gerak Ketam (Kanan dan Kiri)
Buka Langkah Serang Balas	Berdiri Berkekuda Lebar, Buka Sembah (Tangan Kanan), Posisi Tangan Bentuk L (Kanan), Posisi Tangan Bentuk L (Kiri), Putaran Kecil, Sampan Berkolek, Henjutan Badan
Serang Balas	Berdiri Berkekuda (Kanan), Posisi Tangan Bentuk L (Kanan), Berdiri Berkekuda (Kiri), Posisi Tangan Bentuk L (Kiri), Putaran Kecil, Sampan Berkolek, Henjutan Badan, Hadap Pasangan, Berpusing Penjuru
Sembah Tutup	Datang Sembah, Duduk Bertimpuh Sila Hulubalang, Duduk Bertimpuh Atas Tumpit, Letak Ceracap, Susun Sembah, Tapak Bertemu, Sembah Tari, Sembah Raja, Sembah Gayung, Angkat Ceracap, Bangun-Berjalan Keluar

1.2 GERAK TARI CERACAP INAI

PERGERAKAN ASAS

A. PERGERAKAN TANGAN

Penggunaan bahagian torso bawah dan torso atas secara maksimum serta betul adalah diperlukan sebagai teknik asas dalam Tarian Ceracap Inai. Cara memegang prop yang dikenali sebagai Ceracap Inai adalah sangat penting selain menekankan pergerakan kaki ke aras rendah dan sederhana. Seperti tarian lain, pergerakan asas Tarian Ceracap Inai juga terdiri daripada dua, iaitu pergerakan tangan dan pergerakan kaki.

SUSUN SEMBAH



SEMBAH TARI



SEMBAH GAYUNG



SEMBAH SILANG



SEMBAH RAJA SEHARI



POSISI TANGAN L

Posisi ini ialah posisi yang biasa dilakukan pada penamat kiraan keempat sebelum pergerakan berubah arah sama ada pada arah kanan atau kiri. Tangan penari lelaki dihulurkan untuk membentuk posisi L pada hadapan badan dan sisi ketiak. Penari wanita pula menghulurkan tangan pada bahagian hadapan perut dan sisi pinggang.



CARA MEMEGANG CERACAP INAI

Bekas Ceracap Inai dipegang pada bahagian bawah dan sisi. Empat jari tangan kanan dan kiri akan menampung bekas, manakala ibu jari dimasukkan di dalam bekas untuk mengetip bibir bekas bertujuan menguatkan pegangan pada bekas ketika menari.



CARA MENGERAKKAN CERACAP

- ✓ Terdapat dua posisi pergerakan yang biasanya dilakukan oleh penari, iaitu pergerakan asas tangan Berkolek yang dikenali sebagai posisi ceracap dibuka dan posisi ceracap ditutup.
- ✓ Kedudukan bekas digerakkan bermula dengan ditutup terlebih dahulu pada kiraan pertama dan dibuka pada kiraan kedua. Ulang pergerakan tersebut sehingga kiraan kelapan.
- ✓ Semasa melakukan posisi ceracap dibuka, pastikan kedudukan Ceracap Inai dibuka penuh dengan posisi mulut bekas Ceracap Inai menghadap ke atas. Semasa melakukan posisi ceracap ditutup, kedudukan mulut bekas Ceracap Inai hanya diputarakan separuh sahaja dari posisi ceracap dibuka.



DATANG SEMBAH


LELAKI DAN WANITA

- Posisi tangan ini digunakan dalam ragam Datang Sembah. Pergerakan tangan diletakkan pada posisi L di hadapan badan dengan kedudukan tangan memegang kedua-dua bekas ceracap inai.
- Kedudukan tangan kanan dihulurkan ke hadapan, manakala kedudukan tangan kiri membawa bekas Ceracap Inai menghampiri pelipat siku.



ASAS TANGAN BERKOLEK

Posisi ini dinamakan posisi tangan Berkolek. Pada posisi ini, kedudukan tangan akan diputar untuk membentuk posisi tangan ditutup. Kedudukan tangan diputar kembali ke kedudukan asal dan dikenali sebagai posisi tangan dibuka. Pergerakan ini dilakukan secara berselang-seli mengikut kiraan pada ragam yang digunakan.



ASAS TANGAN BERKOLEK



**TAHUKAH
ANDA**

Semasa melakukan pergerakan asas Tangan Berkolek, terdapat juga versi yang menggunakan pergerakan asas tangan dibuka secara penuh dan ditelungkupkan pada posisi separuh tertutup. Kebiasaannya, pergerakan ini digunakan ketika memegang prop.

B. PERGERAKAN KAKI

LELAKI

DUDUK BERTIMPUH SILA HULUBALANG

Pandangan Hadapan



Pandangan Sisi



DUDUK BERTINGGUNG SEBELAH

Pandangan Hadapan



Pandangan Sisi



BERDIRI BERKEKUDA LEBAR

Pandangan Hadapan



Pandangan Sisi



BERDIRI BERKEKUDA KAKI KANAN

Pandangan Hadapan



Pandangan Sisi



BERDIRI BERKEKUDA KAKI KIRI

Pandangan Hadapan



Pandangan Sisi




BERDIRI BERKEKUDA KAKI KIRI

Pandangan Hadapan




Pandangan Sisi




BERDIRI BERKEKUDA KAKI KANAN

Pandangan Hadapan



Pandangan Sisi



DUDUK BERTIMPUPH ATAS DUA TUMIT

WANITA

Pandangan Hadapan



Pandangan Sisi



Pandangan Belakang



DUDUK BERLUTUT TUNGGAL

Pandangan Hadapan



Pandangan Sisi



Berdiri



DUDUK BERLUTUT

Ragam ini dikenali juga sebagai Ubah Posisi kerana transisi pergerakan yang dilakukan dari posisi Duduk Bertimpuh Atas Tumit kepada posisi untuk berdiri. Pergerakan ini dilakukan oleh penari wanita sahaja.

Pandangan Hadapan

1**2**

Pandangan Sisi

1**2**

3



4




3



4



PENERANGAN GERAK TARI BERDASARKAN UNSUR TARI, RAGAM TARI DAN TEKNIK GERAK TARI



Rajah 1.1 Unsur tari dalam Tarian Ceracap Inai.

SUSUN SEMBAH (WANITA)

- Pada permulaan dalam persembahan Tarian Ceracap Inai, ragam Susun Sembah dimulakan bagi memberikan penghormatan kepada para tetamu.
- Pada ragam ini, penari perlu melakukan pergerakan sebanyak lapan kiraan.
- Kedua-dua telapak tangan diletakkan di atas lantai dan diangkat pada posisi Sembah dan diakhiri pada posisi pergerakan Sembah Gayung.
- Lakukan pergerakan ini sebanyak tiga kali secara berturutan.



“.... Pada masa dahulu, mereka yang menarikan Tarian Ceracap Inai adalah seperti bersilat. Masing-masing menunjukkan kehandalan dengan mengawal api daripada terpadam, berkelok ke kanan, berkelok ke kiri seperti bertarung.”

Temu bual bersama-sama dengan Encik Syukor bin Basir Penggiat Awal Tarian Ceracap Inai, Kampung Baharu, Batu 28, Mukim Lenga, Muar, Johor.

SUSUN SEMBAH (LELAKI)



TAHUKAH ANDA

Dalam pergerakan ragam Sembah Susun, terdapat posisi Sembah Gayung yang digunakan pada kiraan kelapan. Posisi Sembah Gayung merupakan satu adat dalam keilmuan Gayung yang dilakukan sebagai tanda memuliakan seseorang yang lebih dihormati.

Dipetik dan diubahsuaikan daripada buku *Tarian Ceracap Inai*, terbitan Istana Budaya (2003) tulisan Khalid Mohamad Nor.

SEMBAH SILANG (WANITA)

- Pergerakan dilakukan sebelum mengangkat Ceracap Inai. Penari mengakhiri pergerakan dengan Sembah Gayung sebagai tanda gerak tari akan dimulakan.
- Pada kiraan pertama hingga keempat, penari perlu menyilangkan tangan kanan di atas tangan kiri terlebih dahulu dan diikuti tangan kiri disilangkan di atas tangan kanan. Lakukan pergerakan secara berselang-seli sebanyak empat kali dan diakhiri dengan posisi Sembah Gayung dan sembah Raja Sehari pada kiraan keenam hingga kelapan.





DATANG SEMBAH

WANITA DAN LELAKI

- Pergerakan ini dilakukan dengan mengangkat prop yang akan digunakan sepanjang tarian, iaitu Ceracap Inai.




SISIP


- Tangan kanan penari dihulurkan ke hadapan dan kekal berada pada posisi tersebut dari awal hingga akhir pergerakan.
- Penari menggerakkan bekas Ceracap Inai dengan membentuk bulatan kecil di hadapan atau di sisi kanan badan dengan menggunakan tangan kiri. Semasa pergerakan dilakukan, penari melalukan bekas pada tangan kiri di atas tangan kanan.
- Pada kiraan ke-4, bekas berada hampir dengan pelipat tangan kanan.
- Pergerakan dilakukan sebagai simbolik tanda penghormatan pada bekas Ceracap Inai berisi lilin yang bernyala.

WANITA

PANDANGAN HADAPAN




PANDANGAN SISI





LELAKI

PANDANGAN HADAPAN



PANDANGAN SISI



TAHUKAH ANDA

Terdapat cara lain digunakan pada ragam Sisip, iaitu satu bekas Ceracap Inai diangkat oleh tangan kanan dan tangan kiri berada di atas Ceracap Inai atau tangan kiri berada pada pelipat tangan kanan.

Dipetik dan diubahsuaikan daripada buku *Tarian Ceracap Inai*, terbitan Istana Budaya (2003) tulisan Khalid Mohamad Nor.

BUKA SEMBAH (WANITA DAN LELAKI)

- Penari berada pada posisi Datang Sembah. Penari membuka kedua-dua belah tangan ke hadapan agar mendepa untuk membentuk posisi V. Kedua-dua belah tangan menghadap ke atas.
- Pergerakan ini dilakukan dalam posisi ke atas dan ke bawah.

1



2



1



2



- Posisi kaki untuk penari wanita ialah Duduk Bertimpuh Atas Tumit.
- Posisi kaki untuk penari lelaki ialah Duduk Bertinggung Sebelah.

3



4



3



4



SAMPAN BERKOLEK

LELAKI

Posisi Bersedia



- Semasa melakukan ragam ini, posisi kaki ialah Duduk Bertinggung Sebelah untuk lelaki.
- Pergerakan ini dilakukan secara setempat (tidak bergerak).



- Bermula pada posisi tangan, penari membuka kedua-dua belah tangan dengan mendepa untuk membentuk posisi V. Pergerakan tangan kemudiannya membentuk posisi L ke arah kanan dengan empat kiraan secara Sampan Berkolek.



- Pergerakan tangan penari berubah ke posisi L arah kiri dengan empat kiraan secara Sampan Berkolek.
- Penari perlu melakukan sedikit henjutan pada bahagian pinggul.




SAMPAN BERKOLEK

WANITA

Posisi Bersedia




- Semasa melakukan ragam ini, posisi kaki ialah Duduk Bertimpuh Atas Dua Tumit.
- Pergerakan ini dilakukan secara setempat (tidak bergerak).



- Bermula pada posisi tangan, penari membuka kedua-dua belah tangan dengan mendepa untuk membentuk posisi V yang membuka ke hadapan. Pergerakan tangan kemudiannya membentuk posisi L ke arah kanan dengan empat kiraan secara Sampan Berkolek.



- Pergerakan tangan penari berubah ke posisi L arah kiri dengan empat kiraan secara Sampan Berkolek.
- Penari perlu melakukan sedikit henjutan pada bahagian pinggul ketika menukar arah.



**TAHUKAH
ANDA**

Tarian ini mempunyai unsur pengaruh India dan ditarikan di istana oleh dayang di hadapan sultan dan pembesar negeri semasa majlis keramaian. Kini, tarian tersebut dipersembahkan di hadapan Raja Sehari sebagai tanda meraikan pengantin. Oleh sebab itu, sebelum tarian dimulakan, terdapat acara seolah-olah menyembah atau memohon ampun. Api yang dinyalakan membawa erti menerangi dan membawa kebahagiaan.


Dipetik dan diubahsuaikan daripada buku *Tarian Ceracap Inai*, terbitan Istana Budaya (2003) tulisan Khalid Mohamad Nor.

GERAK KETAM (LELAKI)

Posisi Bersedia




- Ragam Gerak Ketam ialah perbuatan meniru pergerakan ketam yang sedang berjalan dan ditarikan oleh penari lelaki sahaja.
- Penari memulakan pergerakan dengan mendepakan kedua-dua belah tangan untuk membentuk posisi V yang membuka ke hadapan. Pergerakan tangan kemudiannya membentuk posisi L ke arah kanan dengan empat kiraan secara Sampan Berkolek.
- Pergerakan tangan berubah ke posisi L arah kiri juga dengan empat kiraan.
- Kaki pula adalah dalam posisi Duduk Bertinggung Sebelah Kaki, iaitu kaki kanan melangkah kecil ke arah sisi kanan sambil diikuti kaki kiri.



KIRAAN 1 & 3

Kaki kanan digerakkan melangkah kecil ke sisi kanan.



KIRAAN 2 & 4

Kaki kiri digerakkan melangkah kecil ke sisi kanan.

Pergerakan ini merupakan pengulangan pada Asas Ketam, cuma pergerakannya dimulakan dari sebelah kiri ke kanan. Pergerakan ini juga dilakukan sebanyak empat kiraan pada arah kanan dan empat kiraan pada arah kiri.



KIRAAN 5 & 7

Kaki kiri digerakkan melangkah kecil ke sisi kiri.



KIRAAN 6 & 8

Kaki kanan digerakkan melangkah kecil ke sisi kanan.

PUSING SETEMPAT

Ragam yang hanya ditarikan oleh penari lelaki ini dilakukan semasa posisi Duduk Bertinggung Sebelah Kaki.

Posisi Bersedia



4




3



2



1



Penari bergerak secara berputar dengan membawa tubuh badan menuju empat penjuru dengan lapan kiraan secara Sampan Berkolek pada posisi tangan L arah kanan.